



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

55/2025

KENYATAAN MEDIA

RMK13 : KUSKOP TERAJUI TONGGAK PENSKALAAN PMKS DAN PEMERKASAAN SEKTOR KETIGA

KUALA LUMPUR, 31 Julai – Selaku Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, saya mengalu-alukan pembentangan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 - 2030 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato Seri Anwar Ibrahim di Parlimen, hari ini.

RMK13 berwawasan melakar semula pembangunan negara yang inklusif, mampan dan bertanggungjawab mencakupi kerencaman ekonomi, mobiliti sosial, reformasi perkhidmatan awam, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar ke arah merealisasikan Malaysia MADANI.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) komited meneraju tonggak penskalaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan memperkukuh model perniagaan PMKS dan menambah baik ekosistem PMKS serta pemeraksanaan sektor ketiga dengan memperkukuh daya tahan pemain sektor ketiga, meningkatkan keterlihatan sektor ketiga dan melipatgandakan penyertaan syarikat dalam perniagaan inklusif.

Keberhasilan tonggak-tonggak ini akan dipandu oleh Dasar Keusahawanan Nasional, Dasar Francais Negara, Dasar Koperasi Malaysia, Dasar Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Negara, Pelan Strategik PMKS 2030, Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 yang akan ditambahbaik serta dasar-dasar dan pelan-pelan strategik lain yang berkaitan.

Keberhasilan tonggak-tonggak ini juga akan didukung oleh reformasi perkhidmatan awam termasuk pelaksanaan ILTIZAM, pemeraksanaan GovTech, pemantapan tata kelola, reformasi pengurusan projek dan pengukuhan ekosistem ekonomi sosial. Ia sejajar dengan proses penggubalan akta koperasi baharu dan pengukuhan strategi pengantarabangsaan industri francais tempatan.

KUSKOP komited untuk menerajui pembangunan gerakan keusahawanan, koperasi dan ekonomi sosial negara melalui pendekatan “whole of government” melalui pelbagai platform seperti Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan, Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional serta pelbagai majlis perundingan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian, kerajaan-kerajaan negeri dan pemegang taruh.

Selaku Anggota Kabinet dari Sabah, saya turut mengalu-alukan komitmen berterusan Kerajaan MADANI ini dalam meningkatkan keseimbangan kemajuan wilayah antara Malaysia Barat (Semenanjung) dengan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) serta pembangunan khas sosio-ekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Selagi saya diberi mandat memimpin KUSKOP, saya akan mendukung komitmen ini melalui fokus tambahan di bawah Dasar Pandang Ke Timur Dalam Negara - Perspektif KUSKOP.

Agenda pemerkasaan Ekonomi Biru di Sabah merupakan satu pengiktirafan Kerajaan MADANI kepada potensi Sabah yang sudah tentunya akan menyumbang kepada kerancangan aktiviti ekonomi negara di wilayah Timur.

Saya yakin RMK13 ini akan membawa Persekutuan Malaysia ke era yang lebih progresif dan lebih baik dalam pelbagai aspek sepertimana dihasratkan semasa Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) ditandatangani untuk menubuhkan negara ini. Saya berbangga menjadi sebahagian daripada Kerajaan MADANI yang telah berjaya memuktamadkan 9 daripada 13 tuntutan Sabah dan Sarawak yang berkaitan dengan MA63 yang telah diselesaikan sepenuhnya setakat hari ini.

YB DATUK EWON BENEDICK
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
31 JULAI 2025